

BAB II

PENGGUBALAN AUKU

Bermula dari peringkat cadangan sehingga AUKU diluluskan dan dilaksanakan, pelbagai pihak memberikan berbagai-bagai reaksi terhadap kewujudan dan pelaksanaan akta ini. Cadangan bagi menyatukannya dengan Akta Pelajaran Malaysia² dilihat sebagai suatu yang kontroversi berikutan timbulnya beberapa peruntukan dalam AUKU yang dilihat terlalu mengongkong dan menghadkan kebebasan aktiviti-aktiviti mahasiswa.

² *Berita Harian*. 15hb. Ogos 1989. m.s 2.

Maka kajian melalui bab ini akan cuba menganalisis terhadap faktor-faktor yang membawa kepada keputusan pihak pemerintah untuk menubuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Perbincangan tentang faktor-faktor ini akan dipecahkan kepada tiga aspek penting iaitu faktor politik, ekonomi dan sosial. Adalah diyakini bahawa ketiga-tiga faktor ini memainkan peranan penting dalam penggubalan AUKU 1971.

Tanggal 17hb. Mac 1971, Menteri Pelajaran Malaysia pada masa itu Dato' Hussain Onn telah membentangkan Akta Universiti dan Kolej Universiti di Parlimen. Ini kemudiannya disusuli dengan perbahasan yang terperinci sebelum akta tersebut diluluskan. Tujuan di sebalik kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini adalah sebagai garis panduan terhadap penubuhan, pengurusan dan pentadbiran universiti serta kolej universiti. Ternyata kerajaan memandang serius terhadap kegiatan mahasiswa yang dilihat makin meluap-luap pada masa itu.

Walau bagaimanapun, hanya pada 24hb. Februari 1971 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) diwartakan dan mendapat kelulusan Parlimen pada tarikh 18hb. Mac 1971. Yang di-Pertuan Agong kemudiannya telah sudi memperkenankannya pada 30hb. April 1971. Jelas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 ini hanya bertahan selama tiga tahun sebelum

menyaksikan pindaan pertama pada tahun 1975 di bawah Menteri Pelajaran Malaysia pada masa itu iaitu Dr. Mahathir Mohamad. Kali ini AUKU mengandungi larangan khusus tentang kegiatan pelajar-pelajar semasa menuntut di mana-mana institusi pengajian tinggi di negara ini. Pindaan ini berkuatkuasa pada 12hb. Mei 1975. Pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) ini seterusnya berlaku lagi pada tahun 1983 (Akta A550) berkait dengan seksyen 5A tentang pengenepian pemakaian Akta tersebut terhadap institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan menurut sesuatu perjanjian atau konvensyen di antara negara Malaysia dengan negara lain atau organisasi antara bangsa.³ Dalam konteks ini, Akta Universiti dan Kolej Universiti tidak boleh diguna pakai terhadap Universiti Islam Antarabangsa (UIA) kerana ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta 125 (Semakan 1973).⁴ Walaupun Universiti Islam Antarabangsa mendapat bantuan kewangan yang besar daripada kerajaan Malaysia, ia disifatkan sebagai bertaraf antarabangsa yang mengecualikannya dari tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Secara umumnya keputusan pemerintah untuk menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti bukanlah atas faktor tanggungjawab sosial semata-mata namun lahir atas rasa kesedaran dari tekanan serta desakan untuk

³ Rohani Abdul Rahim et al. *Hak dan Tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*: Bangi UKM. 1992. m.s 19.

⁴ Ibid. Rohani Abdul Rahim et al.. m.s 19.

memelihara kedudukan dan kestabilan pihak pemerintah sendiri. Malah dalam tahun-tahun enam puluhan juga menyaksikan banyak sekali isu-isu yang berpotensi untuk menggugat kedudukan pemerintah seperti isu bahasa kebangsaan, isu kenaikan yuran pengajian universiti (Disember 1967), isu perkauman, isu ketidakseimbangan sosio-ekonomi dan juga beberapa isu lain.

Kajian lalu tentang mahasiswa dan undang-undang amat terhad bilangannya. Kebanyakannya menumpukan perhatian kepada politik mahasiswa Malaysia yang penampilannya sudah pastilah bersifat terlalu umum.. Antara kajian yang pernah dibuat ialah kajian oleh Muhamad Abu Bakar (1973), Zainah Anwar (1987) dan Junaidi Abu Bakar (1993).

Hasil kajian oleh Junaidi Abu Bakar⁵ pada tahun 1993 menyatakan bahawa mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Selain itu kajian tersebut juga menjelaskan bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah faktor utama menyebabkan kelembapan kegiatan luar mahasiswa.

⁵ Junaidi Abu Bakar. *Mahasiswa Politik dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

Muhammad Abu Bakar dalam bukunya *Mahasiswa Menggugat* (1973) telah menyebut secara teori antaranya bahawa sifat keaktifan mahasiswa adalah berbeza iaitu: mahasiswa lelaki lebih aktif berbanding perempuan, mahasiswa aliran sastera lebih aktif berbanding mahasiswa aliran sains dan mahasiswa Melayu lebih aktif berbanding bukan Melayu.⁶ Namun dalam *Mahasiswa Menggugat*, Muhammad Abu Bakar lebih kepada sorotan terhadap pergerakan pelajar berdasarkan peristiwa dan isu-isu tertentu. Ianya tidak melihat kepada aspek kebebasan mahasiswa di bawah Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Kajian terbaru di Universiti Malaya berkaitan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini adalah mengenai *Gerakan Pelajar Sebelum dan Selepas AUKU* yang dilakukan oleh Rizal Amat pada tahun 1996. Menurut kajian ini Akta Universiti dan Kolej Universiti terlalu mengongkong pelajar namun ianya bukan akibat langsung dari pelaksanaan akta tersebut, tetapi tekanan-tekanan daripada pihak pentadbir universiti yang dibentuk di bawah peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti itu sendiri.⁷ Jelas kajian ini tidak memberi gambaran sebenar tentang pendapat mahupun persepsi masyarakat terhadap kebebasan mahasiswa di bawah peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

⁶ Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 19-24.

⁷ Rizal Amat. "Gerakan Pelajar Sebelum dan Selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975: Satu Kajian Khusus di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah. Fakulti Syariah. Akademi Islam Universiti Malaya. 1996. m.s 102.

2. 1 Faktor Politik

2. 1. 1 Peristiwa 13 Mei 1969

Konflik antara kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969 adalah kemuncak dari rasa tidak puas hati antara sesama etnik di Malaysia. Namun persoalan yang ingin dijelaskan di sini ialah hubung kait antara tragedi 13 Mei dan penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Akta Universiti Malaya 1961 yang sebelum ini menjadi panduan perjalanan universiti tersebut nyata gagal membendung aktiviti mahasiswa. Ini memaksa pihak pemerintah mencari alternatif lain yang difikirkan mampu menghalang perkara serupa berlaku. Penglibatan pelajar dalam arena politik semasa ketika itu tambah meruncingkan keadaan dengan tindakan-tindakan radikal mereka dalam usaha mengartikulasikan hasrat politik mereka.

Perhubungan antara kaum semakin meruncing menjelangnya Pilihanraya Umum 1969 berikutan perarakan mayat seorang ahli Parti Buruh yang telah diresapi unsur-unsur komunis dan seterusnya diikuti pula perarakan kemenangan pada 11hb dan 12hb Mei oleh parti yang disokong dan didukung oleh kaum Cina dan India.⁸

⁸ Mohamad Nopiah Yahya. "Dasar Ekonomi Baru: Satu Tinjauan Dari Sudut Kewujudannya dan Pencapaian Matlamat Jangka Panjang". Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Universiti Malaya. 1973. m.s 4.

Pilihanraya 1969

Tempoh lima minggu untuk berkempen menjelang Pilihanraya Umum 1969 memberi ruang yang luas untuk pelbagai pihak menyuarakan kepentingan masing-masing. Dalam pilihanraya yang berlangsung pada 10 Mei itu, Parti Perikatan menang tetapi dengan sokongan yang makin menurun iaitu sebanyak 25.84 peratus dari kerusi yang dulu dikuasainya.⁹

Penglibatan mahasiswa dalam Pilihanraya 1969 ketara apabila Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) bertindak mengeluarkan manifesto pilihanraya sendiri.¹⁰ Dianggarkan sebanyak 13 rapat umum telah berlangsung dengan kehadiran kira-kira 100,000 pendengar di beberapa kawasan seperti Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Batu Pahat, Telok Anson, Kualau Pilah dan Klang yang melibatkan 100,000 naskah manifesto pilihanraya diedarkan.¹¹ Keengganan pihak pemerintah membenarkan rapat umum ini merebak ke Pantai Timur jelas menggambarkan betapa kerajaan merasa semakin tergugat dengan semangat mahasiswa yang semakin diterima oleh masyarakat sebagai agen utusan masyarakat. Suara mereka (pelajar) ini tidaklah terhenti di

⁹ Leon Comber. *13 Mei 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*. Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. 1983. m.s 68.

¹⁰ Walau bagaimanapun, laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa Majlis Gerakan Negara Mengkaji Kehidupan Penuntut-Penuntut Di Kampus Universiti Malaya menyatakan bahawa manifesto ini tidak menyebelahi mana-mana pihak sebaliknya hanya menunjukkan pendapat mereka dalam soal-soal negara yang penting. Lihat *Laporan Jawatankuasa Majlis Gerakan Negara Mengkaji Kehidupan Penuntut-Penuntut Di Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kerajaan. 1971. m.s 29.

¹¹ Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 81. Perhatikan juga dalam Hassan Karim dan Siti Noor Hamid. *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa 1967-74*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. 1984. m.s 5.

sini, bahkan ia lebih menarik dan agresif selepas Tragedi Berdarah 13 Mei 1969 akibat beberapa peristiwa yang memaksa kerajaan mengambil tindakan tegas dalam usaha membendungnya.

Peristiwa 13 Mei ternyata mempengaruhi sikap dan perjuangan mahasiswa. "Sebelum ini mereka hanya menganjurkan sesi dialog dengan mengundang pemimpin-pemimpin pihak pembangkang untuk berceramah di dalam kampus".¹² Mereka tidak lagi berpuas hati dengan seminar dan simposium tetapi turut mengadakan demonstrasi untuk menyuarakan hasrat mereka. Ini menyaksikan banyak peristiwa demonstrasi yang berlaku selepas peristiwa 13 Mei seperti demonstrasi pada 23 Julai, 1970 bertujuan menentang penjualan senjata ke Afrika Selatan oleh kerajaan British, demonstrasi pada 14 Jun 1971 membantah lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia dan demonstrasi anti-Israel pada 16 Oktober 1973.

Kempen Anti-Tunku Abdul Rahman

Perasaan tidak puas hati dan hilang kepercayaan terhadap Tunku Abdul Rahman boleh difahami dari aspek kelemahan kepimpinannya yang secara tidak langsung membuka ruang kepada fahaman perkauman yang berakhir dengan tragedi 13 Mei. Keputusan Tunku melepaskan jawatannya kepada Tun Abdul Razak pada 22

¹² Nancy L. Snider. "*Communalism and the Breakdown of Malayan Parliamentary Democracy*". Ph. D. Dissertation in Political Science. Berkeley: University of California. 1972. m.s 200.

September 1970 juga berkait rapat dengan kritikan dan tentangan pelajar terhadapnya. Dua tokoh pelajar yang begitu besar peranannya pada masa itu ialah Anwar Ibrahim (PBMUM) dan Syed Hamid Ali (Kelab Sosialis). Secara dasarnya motif penentangan adalah sama walaupun pendirian masing-masing adalah berbeza. Ini kerana PBMUM di bawah Anwar melihat kelemahan Tunku dari aspek peribadinya yang terlalu toleran dengan masyarakat Cina, tidak bersungguh-sungguh dalam penyelesaian masalah Melayu. Manakala Kelab Sosialis pula menganggap kapitalisme adalah faktor utama penindasan rakyat akibat penguasaan ekonomi oleh pelabur-pelabur Barat.¹³

Kontroversi surat Dr. Mahathir Mohamad yang bertarikh 17hb. Jun 1969 telah membawa kepada keputusan menyingkirkan beliau (Dr. Mahathir) daripada Majlis Kerja Tertinggi UMNO.¹⁴ Surat empat muka surat ditaip dalam Bahasa Malaysia itu mengandungi perkara dan keterangan parti yang amat penting yang sepatutnya dibincangkan terlebih dahulu dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO berdasarkan suasana politik negara pada masa itu.¹⁵ Pengguguran Dr. Mahathir ini mendapat simpati meluas daripada golongan mahasiswa-mahasiswa. Dr. Mahathir adalah golongan yang dianggap "Ultras"¹⁶

¹³ Hassan Karim dan Siti Noor Hamid. *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa, 1967-74*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. 1984. m.s 6.

¹⁴ Tunku Abdul Rahman. *May 13th: Before and After*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu. 1969. m.s 118. Di dalamnya Tunku menjelaskan tentang pengedaran surat ini kepada orang ramai termasuk kepada pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

¹⁵ Ibid. Tunku Abdul Rahman. m.s 119-120.

¹⁶ Ibid. Tunku Abdul Rahman. m.s 120.

oleh Tunku sedangkan pelajar-pelajar menganggapnya sebagai pemimpin kreatif, progresif dan lebih maju dari Tunku.¹⁷

Tunku melihat demonstrasi mahasiswa sebagai sebagai aktiviti malang sebagaimana kenyataan "Setengah penuntut-penuntut Melayu yang berfikiran singkat dan bersikap rendah menentang apa jua, begitu mudah terpedaya untuk mempercayai apa jua yang dikatakan oleh orang-orang seperti itu (puak pelampau), dan menurut apa jua yang disuruh, seperti mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan. Penuntut-penuntut ini nampaknya tidak sedar bahawa mereka digunakan oleh puak-puak *pelampau*".¹⁸

Perasaan anti Tunku membawa kepada satu demonstrasi pada 28 Ogos 1969 yang memaksa campurtangan pihak polis dalam kampus Universiti Malaya yang berakhir dengan penahanan empat orang pelajar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).¹⁹ Timbul pula isu autonomi universiti sehingga Professor Ungku Aziz yang memegang jawatan Naib Canselor Universiti Malaya melahirkan hasrat meletakkan jawatannya. Hanya penjelasan

¹⁷ Junaidi Abu Bakar. *Mahasiswa, Politik dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1973. m.s 19.

¹⁸ Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur. Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 89.

¹⁹ Op.cit. Junaidi Abu Bakar. m.s 20.

Peguam Negara, Tan Sri Kadir Yusuff tentang undang-undang darurat yang berkuatkuasa pada masa itu mampu mententeramkan keadaan.²⁰

Sebenarnya bukan sahaja golongan pelajar yang menentang Tunku, terdapat beberapa pihak lain yang menyimpan hasrat yang sama. Antaranya ialah Musa Hitam, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Dr. Mahathir dan Tan Sri Syed Nasir.²¹ Sudah timbul kebimbangan sekiranya kerajaan masih mengambil sikap sambil lewa maka nasib orang Melayu bukan sahaja tidak terbela malah makin tertindas oleh dasar-dasar yang tidak rasional dan seimbang.

2. 1. 2 Isu Antarabangsa

Walaupun perjuangan mahasiswa lebih menjurus kepada isu-isu dalaman, tidaklah bermakna isu-isu global dilupakan terus. Persatuan-persatuan yang terbabit dalam membangkitkan isu-isu antarabangsa ialah seperti PMUM dan PKPM (Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia) serta Kelab Sosialis. Mahasiswa juga pernah mengadakan tunjuk perasaan menentang penyertaan

²⁰ ISA bukanlah undang-undang darurat sebaliknya hanyalah undang-undang biasa yang diluluskan di bawah peruntukan darurat, yang memberi lebih kuasa kepada kerajaan untuk bertindak bagi mana-mana keadaan yang difikirkan perlu, selain dari undang-undang lain yang sedia ada. Lihat Jamilah Jaafar. "Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tumpuan Kepada Tahanan Beramai-Ramai Oktober 1987." Jabatan Pentadbiran Awam. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. 1988. m.s 12.

²¹ Leon Comber. *Peristiwa 13 Mei, Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: IBS: International Book Service. 1985. m.s 96.

Amerika Syarikat di Vietnam dan tuuk perasaan di Kedutaan Soviet (Rusia) bagi tentang terhadap pendudukan Soviet di Czechoslovakia.²²

Mungkin ramai yang tidak menyedari betapa berpengaruhnya isu-isu luar negeri yang menjadi pemangkin menyemarakkan semangat perjuangan mahasiswa tempatan. Ini termasuklah isu Palestin dan penindasan masyarakat Islam di Pattani pada tahun 1973 dan 1971.

Demonstrasi Pengeboman Hanoi-Haiphong oleh Amerika

Demonstrasi ini berlaku pada 21hb. Julai 1966 di hadapan Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur yang melibatkan pihak mahasiswa dan pensyarah iaitu seramai kira-kira tiga puluh orang yang berakhir dengan penyerahan surat bantahan menentang peristiwa tersebut.²³ Pengeboman ini adalah sebagai bantuan Amerika kepada pihak Perancis dalam usaha membendung kebangkitan Vietnam.

Demonstrasi Anti-Israel

Pencerobohan Israel ke atas beberapa negara Arab sekali lagi membangkitkan kemarahan pelajar. Peristiwa ini membawa kepada dua buah

²² Hassan Karim dan Siti Noor Hamid. *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa, 1967-74*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. 1984. m.s 4.

²³ Rizal Amat. "Gerakan Pelajar sebelum dan Selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975: Satu Kajian Khusus di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1996. m.s 39.

demonstrasi yang berlaku pada 13 dan 16 haribulan Oktober 1973 bagi mengutuk pencerobohan Israel dan mengutuk campurtangan Amerika dalam Perang Arab-Israel. Tindak-tanduk Amerika yang secara jelas menyebelahi Israel mengundang rasa tidak puas hati di kalangan mahasiswa yang melihatnya sebagai sentimen anti-Islam.

Demonstrasi Menentang Penjualan Senjata ke Afrika Selatan

Susulan daripada keputusan kerajaan British menjual senjata kepada regim apartheid Afrika Selatan, kira-kira 500 orang pelajar telah mengadakan tunjuk perasaan di kawasan berhampiran masjid al-Rahman yang terletak di sebelah kiri pintu masuk ke Universiti Malaya. Ianya berlaku pada 23hb. Julai 1970 bagi memperlihatkan sensitiviti golongan mahasiswa terhadap isu-isu sejagat.²⁴

PMUM juga pernah menganjurkan beberapa bantahan untuk menentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang berkehendakkan mereka (mahasiswa) mendapat Sijil Kelayakan dari Ketua Pelajaran masing-masing.²⁵

²⁴ Ibid. Rizal Amat. m.s 40.

²⁵ Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 26.

2. 1. 3 Universiti Merdeka

Pada 17 September 1978, Datuk Musa Hitam telah menggemparkan masyarakat Cina bila beliau bertindak menolak permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka atas tiga alasan utama iaitu universiti tersebut ditubuhkan oleh syarikat swasta, ia menggunakan bahasa pengantar Cina dan ia menampung pelajar-pelajar dari aliran bahasa Cina.²⁶ Ternyata penolakan ini mempunyai asasnya kerana ia bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang secara jelas mengutamakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Pada hakikatnya, Universiti Merdeka bukanlah tuntutan pertama masyarakat Cina di negara ini. Pada 8 Februari 1968, MCA mengadakan satu mesyuarat Jawatankuasa Kerjaya yang menuntut ditubuhkan sebuah kolej bertujuan menampung pelajar Cina yang tidak dapat memasuki Universiti Malaya.²⁷ Tuntutan tersebut akhirnya dipenuhi oleh kerajaan dengan tertubuhnya Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) pada tahun 1969.

Universiti Merdeka sengaja dibesar-besarkan oleh sesetengah pemimpin politik Cina tentang '*political force*' yang ada pada mereka sekarang setelah dua puluh satu tahun merdeka. Mereka harus mencari sesuatu isu yang emosional dan bersifat kebudayaan kerana ini lebih mudah untuk mempengaruhi golongan

²⁶ Yahaya Ismail. *Politik Universiti Merdeka*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif. 1978. m.s. 9.

²⁷ Junaidi Abu Bakar. *Mahasiswa Politik dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. m.s 30.

Cina dari berbagai lapangan hidup untuk menyokong isu yang ditimbulkan itu. Mereka juga sedar bahawa setelah 21 tahun merdeka, mereka telah mencapai kedudukan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran yang cukup baik walaupun konsep Bumiputera menjadi slogan perjuangan orang Melayu dan Kerajaan.²⁸

Cadangan untuk menubuhkan Universiti Merdeka yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina mampu mencabar kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan alat perpaduan negara. " Lebih mustahak lagi, membenarkan bahasa Cina untuk dijadikan bahasa pengantar pelajaran tinggi akan dianggap oleh orang Melayu sebagai pencerobohan terhadap kedudukan sejarahnya."²⁹ Maka sewajarnyalah kerajaan menolak cadangan menubuhkan Universiti Merdeka.

Justeru isu Universiti Merdeka inilah mendorong kerajaan mewujudkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bagi mengawal penubuhan universiti.³⁰ Ini seperti mana diperuntukkan dalam Seksyen 5 AUKU: "Tertakluk kepada seksyen 5A tiada sesuatu yayasan pelajaran tinggi boleh ditubuhkan

²⁸ Op.cit. Yahya Ismail. m.s 49.

²⁹ *The Real Issues Aliran on the Merdeka University*. Aliran Publications. March 1979. m.s 11.

³⁰ Satu-satunya kes yang membincangkan permohonan untuk menubuhkan universiti ialah *Merdeka University Berhad lwn. Government of Malaysia* yang dibuat di bawah Seksyen 6 AUKU. Lihat Rohani Abdul Rahim et al. dalam *Hak dan Tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*. Bangi:UKM. 1992. m.s 143.

kecuali mengikut peruntukan Akta ini". Sesungguhnya kewujudan AUKU menyukarkan usaha mana-mana pihak untuk menubuhkan universiti swasta.

2. 2 Faktor Ekonomi

Selain faktor politik, ekonomi seringkali menjadi agenda penting dalam penentuan sesuatu isu. Hakikat yang perlu diterima ialah tercetusnya pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969 ialah kesan dari ketidakseimbangan ekonomi antara kaum terutamanya antara Melayu dan Cina. Ini menimbulkan bibit-bibit kehancuran sebagaimana yang kita sedia maklum melalui rusuhan perkauman.

2. 2. 1 Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Pengalaman pahit 13 Mei 1969 membuka mata semua pihak tentang perlunya keseimbangan dari segi politik, sosial dan ekonomi di negara ini. Kita tidak mengatakan berpolitik adalah tidak penting, namun jika benarlah selama ini kita terlalu banyak menghabiskan masa untuk berpolitik maka wajarlah tumpuan kini dialihkan pula ke arah memperkemaskan aspek ekonomi dan sosial. Pengalaman 13 Mei sudah cukup sebagai pengalaman bahawa kerancakkan berpolitik tanpa adanyakesimbangan dari segi sosial dan ekonomi akan hanya mengundang bencana 'racialism'.

Sehubungan dengan ini kerajaan di bawah kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak amat menyedari kepincangan ini. Lantas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diumumkan pada tahun 1970 yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Walau bagaimanapun, tenaga penggerak utama untuk merealisasikan dasar ini ialah pelajar.

"Kemiskinan adalah sebab utama berlakunya perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. . . Keadaan ini boleh menggugat perpaduan negara sekiranya masalah kemiskinan tertumpu pada sesuatu kaum"³¹

Jadual 2.1 menjelaskan keputusan kerajaan menggubal AUKU untuk mengawal kegiatan pelajar agar mereka dapat menumpukan pada pelajaran berjaya mengurangkan jurang kadar kemiskinan antara kaum terutamanya Bumiputera. Jadual memaparkan data tentang peratus kemiskinan penduduk mengikut kaum dari tahun 1970, 1984 dan 1987. Semasa peringkat permulaan pelaksanaan DEB, peratus kemiskinan Bumiputera ialah sebanyak 64.8 peratus berbanding dengan peratus kemiskinan masyarakat Cina pada masa itu iaitu 26.0 peratus. Ini menunjukkan perbezaan sebanyak 38.8 peratus antara Bumiputera dan Cina. Selepas tujuh belas tahun pelaksanaan DEB yakni pada tahun 1987 pula, peratus kemiskinan Bumiputera ialah pada tahap 23.8 peratus. Manakala pada tahun yang sama juga menunjukkan peratus kemiskinan

³¹ *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 1991. m.s 737.

A508375262

masyarakat Cina telah menurun kepada 7.0 peratus. Sekali lagi jika diperhatikan perbezaan antara masyarakat Bumiputera dan Cina telah berkurangan kepada 16. 8 peratus dalam tahun 1987 berbanding sebanyak 38. 8 peratus yang dicatatkan pada tahun 1970. Secara keseluruhan pula, kadar kemiskinan semua kaum telah menurun dari 49. 3 peratus kepada hanya 17. 3 peratus dalam tahun 1987. Maka rumusan yang boleh dibuat ialah kadar kemiskinan telah berkurangan sehingga tahun 1987 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pelajar-pelajar khususnya golongan mahasiswa merupakan generasi masa depan negara yang akan mewarisi tampok pemerintahan negara. Kepada mereka lah sebenarnya disandarkan seribu harapan untuk menyemarakkan pencapaian dasar-dasar nasional sedia ada. Sehubungan dengan matlamat inilah kerajaan memandang serius penglibatan mahasiswa yang keterlaluan dalam politik yang secara tidak langsung boleh mengabaikan tumpuan pelajaran mereka.

Menyelami kata-kata Dr. Mahathir semasa membentang Rang Undang-undang Pindaan AUKU (1975) di Parlimen: " Satu daripada alat Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah pelajaran. Pelajaran membolehkan *economic and social mobility*

JADUAL 2. 1

**MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN MENGIKUT
KUMPULAN ETNIK (%)**

KUMPULAN ETNIK	1970	1984	1987
Semenanjung Malaysia	49.3	18.4	17.3
Bumiputera	64.8	25.8	23.8
Cina	26.0	7.8	7.0
India	39.2	10.1	9.7
Lain-lain	44.8	22.0	24.3
Sabah		33.1	35.3
Bumiputera	-	39.2	41.9
Cina	-	6.2	6.3
Lain-lain	-	12.4	5.0
Sarawak	-	31.9	24.7
Bumiputera	-	41.6	33.2
Cina	-	9.3	6.7
Lain-lain	-	4.0	0

Sumber: Malaysia Kita. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 1991. m.s 744.

yang dapat mengubah nasib seseorang atau sesuatu kaum daripada yang buruk kepada yang baik. Pelajaran boleh mengatasi kemunduran ekonomi dan sekatan-sekatan sosial".³² Kerajaan nyata bimbang dengan keterlibatan golongan pelajar

³² *Penyata Rasmi Parlimen*. 8 April 1975. m.s 4395.

dalam politik dan kebimbangan kerajaan ini diterjemahkan dalam bentuk penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

2. 2. 2 Isu Yuran Asrama & University of Seven Seas

Kedua-dua isu ini adalah berkaitan dengan aspek ekonomi pada masa itu. Pada 14hb. Disember 1967 bertempat di Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya, satu demonstrasi telah diadakan bagi menyuarakan rasa tidak puas hati dengan keputusan untuk menaikkan yuran asrama. Pihak asrama dalam hal ini memutuskan untuk menambahkan bayaran dari RM33 seminggu kepada RM38 bagi "double-bed room" manakala RM40 seminggu bagi "single-bed room".³³

Berkaitan dengan isu University of Seven Seas pula, bantahan ditujukan kepada kerajaan yang dianggap boros dengan mengadakan makan malam secara besar-besaran di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.³⁴ Maka tercetuslah satu lagi demonstrasi pada 17hb. Disember 1967. Mahasiswa menuduh kerajaan tidak bertanggungjawab dan menghabiskan wang rakyat sedangkan pada masa yang sama yuran asrama dinaikkan dan harga getah jatuh di pasaran.³⁵ Bagi

³³ Rizal Amat. "Gerakan Pelajar Sebelum dan Selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975: Satu Kajian Khusus di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1996. m.s 48.

³⁴ Mengikut kenyataan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada masa itu, Khaw Kai Boh, kerajaan hanya membelanjakan sebanyak RM3500 sahaja untuk jambuan itu. Lihat Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973.m.s 64 - 65.

³⁵ Op.cit. Rizal Amat. m.s . 48.

mahasiswa tindakan kerajaan ini sama seperti kata pepatah, "Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan".

2. 3 Faktor Sosial

Sebagai golongan yang paling berpendidikan dalam masyarakat, status pelajar dipandang tinggi oleh masyarakat. Jadi tidak hairanlah jika kepada mereka lah disandarkan harapan untuk mengetengahkan kemelaratan dan harapan masyarakat. Lebih tepat lagi jika dikatakan bahawa golongan pelajar berperanan untuk memainkan fungsi mereka sebagai juru bicara masyarakat sekeliling yang diwakilinya. Maka fungsi sosial inilah yang cuba diperjuangkan dan dipertahankan oleh mereka melalui aktiviti-aktiviti mereka.

2. 3. 1 Dasar Pelajaran Kebangsaan

Dalam usaha membincangkan isu ini, adalah tidak mungkin untuk tidak melibatkan perjuangan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) yang cukup berpengaruh pada masa itu. PBMUM ditubuhkan pada tahun 1955 dan selama hampir satu abad dari penubuhannya, 1955-1964, PBMUM hanya berkisar kepada soal-soal yang berkaitan dengan bahasa dan kebudayaan sahaja.

Walaupun isu Bahasa Melayu dan Dasar Pelajaran Kebangsaan muncul sebagai antara isu terpenting pada tahun 1970, perjuangan menegakkan Bahasa

Melayu telah pun bermula semenjak 1966 lagi sehingga menimbulkan perpecahan antara PMUM dengan PBMUM.³⁶ Hanya dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970 dilihat sebagai inisiatif terbaik mendaulatkan Bahasa Melayu di negara ini.

Berkaitan dengan isu Dasar Pelajaran Kebangsaan ini juga menyaksikan satu perjumpaan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) selama dua hari telah berlangsung pada tahun 1968 bertujuan:³⁷

1. Membincangkan dan membongkar penyelewengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah sedia ada dalam Laporan Razak dan Rahman Talib.
2. Menuntut perhatian kepada penuntut Aliran Melayu yang menjadi mangsa dari penyelewengan tersebut.
3. Keperluan menuahkan sebuah Universiti Kebangsaan.

Hasil daripada perjumpaan itu, PBMUM atas rasa tanggungjawab telah mengambil ketetapan mendesak Khir Johari yang pada masa itu bertindak

³⁶ Hassan Karim dan Siti Noor Harnid. *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa, 1967-74*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. 1984. m.s 7.

³⁷ *Utusan Melayu*. 29hb. September 1968. m.s 3. Diambil dari Tajuddin Abdul Rahman. "Kommunalisme Dalam Politik Pelajar. Satu Kajian di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Jabatan Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. 1977. m.s 31.

sebagai Menteri Pelajaran untuk melepaskan jawatannya.³⁸ PBMUM merasakan beliau bertanggungjawab terhadap penyelewengan yang berlaku dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. PBMUM juga mencadangkan agar pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan secara beransur-ansur dalam tempoh lima tahun bermula pada tahun 1967.

Isu lain yang timbul dari Dasar Pelajaran Kebangsaan ini ialah dasar Bahasa Kebangsaan. Sememangnya pelajar-pelajar dari aliran Melayu begitu sukar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, apakah lagi untuk mendapat pekerjaan memandangkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah. situasi ini digambarkan melalui kenyataan "Pelajar-pelajar yang keluar sekolah sukar mendapat pekerjaan kerana tidak mempunyai kelulusan atau kepujian dalam Bahasa Inggeris yang dikenakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam".³⁹

Akhirnya pada bulan November 1970, Berita Universiti Malaya mengeluarkan kenyataan Naib Canselornya, Profesor Ungku Aziz yang ditujukan kepada semua kakitangan akademik, mahasiswa, pentadbir dan

³⁸ Ibid. Tajuddin Abdul Rahman. m.s 31.

³⁹ Tajuddin Abdul Rahman. "Komunalisme Dalam Politik Pelajar: Satu Kajian di Universiti Malaya." Jabatan Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. 1977. m.s 35. Syarat ini kemudiannya telah dimansuhkan selepas 13 Mei 1969.

kakitangan am universiti tersebut. Kenyataan tersebut adalah berkaitan dengan Dasar Bahasa Malaysia. Antaranya menekankan bahawa bermula dari tarikh kenyataan tersebut dikeluarkan, semua surat menyurat hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia dan pemakaianya meliputi dalam segala istiadat dan lain-lain.

2. 3. 2 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Rasanya tidak keterlaluan jika pun ada pihak yang sengaja beranggapan bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) digubal untuk mengawal penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ini kerana dalam masa kurang setahun dari tarikh penubuhan UKM iaitu pada tahun 1970, muncul pula AUKU pada tahun 1971 yang bakal mengawal dan melemahkan persatuan-persatuan pelajar. Selain dari itu, meningkatnya bilangan universiti-universiti di sekitar Kuala Lumpur juga membimbangkan pihak pemerintah terhadap perkembangan gerakan pelajar.

Di pihak kerajaan sendiri tentunya masih terbayang perjuangan mahasiswa Universiti Malaya terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan yang turut membawa kepada desakan penubuhan sebuah universiti kebangsaan bagi

memantapkan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan. Walaupun hasrat tersebut telah tercapai dengan wujudnya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), adalah dibimbangi jika universiti ini dijadikan markas bagi pelajar-pelajar menjalankan aktiviti untuk menentang mana-mana dasar dan tindakan kerajaan yang dirasakan tidak patut dan keterlaluan.

Jika difikirkan secara mendalam, kebimbangan ini nyata ada benarnya. Dalam tempoh tidak sampai setahun dari tarikh penubuhannya, mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ikut bergabung dengan mahasiswa Universiti Malaya (UM) semasa demonstrasi menentang penindasan masyarakat Melayu-Islam di Pattani, Thailand. Tunjuk perasaan pada 14hb. Julai 1971 ini melibatkan kira-kira 2 000 pelajar iaitu gabungan pelajar UKM dan UM.⁴⁰ Peristiwa ini seolah-olah memberi gambaran awal bahawa UKM bakal menerajui segala macam tentang terhadap kerajaan. Jika tidak dibendung di peringkat awal, 'kudis' ini pasti akan merebak dan sukar dihapuskan.

Sebagai langkah berjaga, kerajaan mengambil keputusan menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Semenjak di peringkat cadangan penubuhannya sehinggahal ianya dilaksanakan di negara ini, AUKU menarik

⁴⁰ Rizal Amat."Gerakan Pelajar Sebelum dan Selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975:Satu Kajian di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1996. m.s 46.

minat beberapa pihak seperti ahli politik, misalnya Dr. Tan Chee Koon⁴¹, golongan akademik seperti En. Hashim Hussin Hj. Yaacob dan En. Muhamad Abu Bakar⁴², di kalangan pelajar sendiri, contohnya En. Nordin Razak⁴³ dan juga masyarakat luar seperti En. Bhag Singh.⁴⁴

2. 3. 3 Masalah Telok Gong

Simposium "Masalah Penduduk Luar Bandar"⁴⁵ telah memberi kesedaran terhadap faktor kemiskinan masyarakat luar bandar. Banyak perkara yang dibangkitkan semasa berlangsungnya simposium itu, antaranya ialah masalah pembahagian tanah, masalah kesihatan, masalah persekolahan anak-anak orang Melayu dan masalah-masalah lain. Rumusan daripada simposium tersebut ialah menuntut kerajaan agar memberi perhatian yang lebih seimbang antara

⁴¹ Dr. Tan Chee Koon, Ahli Parlimen Kawasan Batu, Kuala Lumpur menyuarakan rasa tidak setuju tentang AUKU semasa perbahasan di Parlimen pada 25hb. Februari 1971. Mengikut beliau, ayat "Tiada sesuatu majlis pelajar... yang boleh ditafsirkan ..." (Bahagian III Fasal 15) sebagai begitu kabur.

⁴² En. Hashim Hussin Hj. Yaacob adalah Pensyarah Ilmu Sosiologi dan Pengajian Pembangunan di Universiti Sains Malaysia dan En. Muhamad Abu Bakar seorang pensyarah di Universiti Malaya, keduanya terlibat dalam Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti yang diadakan di Bilik Jumaah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 27, 28 Februari dan 1 Mac 1987. En. Hashim menegaskan peranan universiti sebagai pelaksana kepentingan masyarakat dan ilmu hanya akan dicapai melalui proses demokratik dalam proses pembuatan keputusan. Menurut Muhamad Abu Bakar AUKU memberi tekanan psikologik ke atas pelajar-pelajar universiti.

⁴³ En. Nordin Razak mengkritik kerajaan kerana mewujudkan AUKU semasa menyertai forum anjuran PMUM bertajuk "Wajarkah Pergerakan Belia Dihalang?" pada 23hb. Mei 1971. Baginya AUKU tidak patut diterima dan mempersoalkan tindakan kerajaan mengiktiraf bahagian (branch) UMNO di England

⁴⁴ Di dalam forum anjuran PMUM bertajuk "Wajarkah Pergerakan Belia Dihalang?" pada 23hb. Mei 1971, En. Bhag Singh seorang peguam dan bekas pemimpin pelajar di Singapura menyuarakan rasa tidak setuju langkah kerajaan Malaysia menghalang pergerakan pelajar melalui penguatkuasaan AUKU. Antara alasan beliau ialah idealisme pelajar adalah berfaedah untuk rakyat maka pelajar tidak patut dibendung sama sekali.

⁴⁵ Simposium "Masalah Penduduk Luar Bandar" ini diadakan pada 17 Julai 1967 sempena 10 tahun kemerdekaan negara. Mereka yang terlibat dalam penyediaan kertas-kertas kerja ialah Senator Aishah Ghani, Allahyarham Dr. Ungku Omar, En. Arsyad Ayub, En. Zainal Abidin Wahid, Tuan Syed Husin Ali dan PBMUM sendiri. Lihat Muhamad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 56-57.

masyarakat bandar dan luar bandar terutamanya terhadap golongan Melayu luar bandar.⁴⁶

Perjuangan membela nasib kaum tani bermula pada 14hb. Oktober 1967 di mana lebih kurang 300 orang penuntut Universiti Malaya telah berhimpun (berdemonstrasi) menuntut pembebasan ketua peneroka, Hamid Tuah, dan pemberian tanah kepada petani-petani yang tidak bertanah⁴⁷. Peristiwa di Teluk Gong di mana sekumpulan peneroka tanah haram yang diketuai oleh Hamid Tuah juga mendapat perhatian PMUM dengan alasan menentang penindasan terhadap golongan petani yang 'lapar' tanah. Namun kerajaan sekali lagi bertindak tegas dengan penangkapan Hamid Tuah dan pengikut-pengikutnya.

2. 4 Penggubalan Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Ancaman 13 Mei memaksa pemerintahan negara diletakkan di bawah kendalian Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Pada tahun 1970, Majlis Gerakan Negara telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Mengkaji Kampus. Berdsarkan kajian ini, kerajaan mengambil keputusan untuk menubuhkan Akta

⁴⁶ Ibid. Muhammad Abu Bakar. m.s 61.

⁴⁷ Hassan Karim dan Siti Noor Hamid. *Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa, 1967-74*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. 1984. m.s 20.

Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, yang bertujuan, antara lainnya, untuk mengamal dan melemahkan persatuan-persatuan pelajar.⁴⁸ Ini dapat dilihat dalam perakuan-perakuan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut, misalnya;

"Dalam sebarang pindaan kepada Perlembagaan Universiti pada masa hadapan peruntukan-peruntukan khusus hendaklah dibuat untuk melarang PMUM ataupun sebarang persatuan penuntut daripada mengambil bahagian dalam pilihanraya politik di luar kampus" (Perenggan 69).⁴⁹

Tindakan meluluskan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) oleh dewan Rakyat pada 18hb. Mac 1971, bukan sahaja mengundang tentangan dari golongan pelajar, malah parti-parti pembangkang turut melahirkan kecaman dan kekesalan atas kewujudan akta tersebut yang jelas mencabul prinsip demokrasi dan hak asasi golongan pelajar. Golongan pelajar yang menuduh akta itu tidak adil, terus-menerus menyuarakan tentang mereka dengan mengadakan pelbagai tunjuk perasaan dalam tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973.

Antara tahun 1971 sehingga 1975 menyaksikan banyak isu dan peristiwa yang berlaku yang membabitkan golongan pelajar baik secara langsung

⁴⁸ Ibid. Hassan Karim dan Siti Noor Hamid. m.s 8.

⁴⁹ Laporan Jawatankuasa Majlis Gerakan Negara Mengkaji Kehidupan Penuntut-Penuntut Di Kampus Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Kerajaan. 1971. m.s 142.

mahu pun tidak langsung. Isu-isu seperti Demonstrasi 14 Jun (1971)⁵⁰, Demonstrasi Anti-Amerika (1973), Tasik Utara (1974) dan Peristiwa Baling terus menghangatkan kancang politik tanahair. Tindakan kerajaan menahan pemimpin-pemimpin pelajar bukanlah jaminan dapat menutup mulut mereka, apatah lagi jika mahu merantai kaki dan tangan mereka.

Akhirnya satu Rang Undang-Undang Pindaan AUKU 1975 dibentangkan di Parlimen dan diluluskan oleh Parlimen serta mula berkuatkuasa pada 12hb. Mei 1975. Melalui pindaan ini, Seksyen 15 (Akta 30) telah dipinda dengan memasukkan seksyen-seksyen baru 15A, 15B, 15C dan 15D. Pindaan ini secara tidak langsung telah membunuh satu zaman di mana pelajar memainkan peranan sebagai ‘mata’ dan ‘telinga’ rakyat dalam soal politik, ekonomi dan juga sosial. Maka Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 1975), sebagai alternatif telah membenarkan satu badan ‘boneka’ pelajar dikenali sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang segala tindak-tanduknya tertakluk kepada pengawasan bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).

⁵⁰ Demonstrasi ini adalah yang pertama selepas wujudnya AUKU pada 1971- kecaman terhadap penindasan masyarakat Melayu-Islam di Pattani, Thailand. Ianya sempena lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada masa itu.